

SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI EKSEKUTIF

KUMPULAN: 'B'

TARIKH KUATKUASA: 1 April 1989

| <u>Tingkatan</u> | <u>Skel Gaji</u>                                                                              |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tingkatan Biasa  | B9: \$830x40-910/Sekatan Percubaan/<br>950x40-1190/Sekatan Kecekapan/<br>1270x40-1470x60-1590 |
| Tingkatan Kanan  | B3/B1: \$1590x60-1770/Sekatan Kecekapan/<br>1770x60-1950                                      |

SYARAT LANTIKAN

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) terdiri daripada warganegara;
  - (b) berumur tidak melebihi 30 tahun dan bagi pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, badan berkanun dan kuasa tempatan tidak melebihi 50 tahun.
  - (c) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (d) kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Kerani adalah layak (dengan syarat berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan) dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif Tingkatan Biasa yang kosong apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas; ATAU
  - (b) (i) berkhidmat di atas Tingkatan Kanan selama tidak kurang dari 2 tahun; dan  
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

**PERMOHONAN**

3. Permohonan bagi lantikan hendaklah dikeduhkan kepada Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. (a) Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.  
(b) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

**LATIHAN**

5. Pegawai Eksekutif boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN**

6. (a) Pegawai Eksekutif dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan dalam tempoh percubaan.  
(b) Pegawai Eksekutif yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum layak dipertimbangkan untuk melangkah' sekatan kecakapan dan kenaikan pangkat seterusnya.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. (a) Pegawai Eksekutif yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

- (i) memenuhi tempoh percubaan;
- (ii) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

(b) Pegawai Eksekutif yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa sahaja selepas 1 tahun.

**SEKATAN KECEKAPAN**

8. (a) Pegawai Eksekutif yang dilantik adalah layak melangkah sekatan kecekapan apabila telah :-

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan
- (iii) mendapat Sijil Perakuan daripada Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan, ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya.

(b) Pegawai yang dinaikkan pangkat secara lantikan adalah layak melangkah sekatan kecekapan apabila telah :-

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan di perenggan 6(b) di atas; dan
- (iii) mendapat Sijil Perakuan daripada Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan, ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya.

- (c) Berhubung dengan perenggan (b) di atas, pegawai yang menerima gaji masuk 1 atau 2 mata gaji di bawah sekatan kecakapan ATAU yang menerima gaji di atas sekatan kecakapan adalah diberi tempoh 3 tahun untuk lulus semua peperiksaan seperti di atas dan dalam tempoh tersebut dibenarkan menerima kenaikan gaji tahunan seolah-olah sekatan kecakapannya telah diubah kehadapan.

**KENAIKAN PANGKAT**  
**KE TINGKATAN**  
**KANAN**

9. Pegawai Eksekutif Tingkatan Biasa adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan yang kosong apabila telah :-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang dari 5 tahun dalam perkhidmatan tersebut;
- (c) lulus semua peperiksaan di perenggan 6 di atas; dan
- (d) mencapai taraf kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan.

**SEKATAN**  
**KECEKAPAN**

10. (a) Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan adalah layak dipertimbangkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk melangkah sekatan kecakapan apabila telah :-

- (i) berkhidmat selama tidak kurang dari 1 tahun dengan menerima gaji paling tinggi di bawah sekatan kecakapan;
- (ii) mencapai taraf kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

- (b) Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan yang tidak berjaya melangkah sekatan kecakapan adalah dikekalkan di atas skel gaji B3 sehingga memenuhi kesemua syarat di perenggan 10(a) di atas.